

**GARIS PANDUAN PENYERTAAN  
PERTANDINGAN PROJEK KIK  
KONVENSYEN INOVASI 2020  
JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR (JKNJ)**

## 1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Bahagian/ Cawangan/ Seksyen/ Pejabat Kesihatan Daerah/Pejabat Pergigian Daerah/ Pusat Tanggungjawab/ Hospital/ Institusi di Jabatan Kesihatan Negeri Johor(JKNJ) mengenai syarat penyertaan, kriteria penilaian serta format laporan KIK,Konvensyen Inovasi, JKNJ .

## 2. PENGENALAN

**Inovasi** merupakan **suatu pembaharuan atau perubahan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik dan menyampaikan nilai baharu kepada pelanggan**. Dalam konteks sektor awam, sesuatu ciptaan yang memberi manfaat nyata dan nilai tambah kepada keadaan sedia ada boleh dikategorikan sebagai inovasi.

**Kreativiti** ialah **kebolehan atau keupayaan untuk mencipta, mewujudkan dan menghasilkan sesuatu yang baharu serta unik dalam menyelesaikan masalah dan menambah baik keperluan semasa**. Dalam konteks sektor awam, keupayaan berfikir secara kritis dan analitikal amatlah diperlukan bagi menterjemahkan idea kepada inisiatif bitara yang memberi manfaat kepada rakyat dalam usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

KIK memberi **penekanan kepada keberkesanan perkhidmatan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan bermatlamatkan kesejahteraan rakyat**. Pelaksanaan KIK mampu memberi impak positif kepada prestasi penyampaian perkhidmatan sektor awam. Keberkesanan pelaksanaan KIK memerlukan mekanisme pemantauan yang efektif bagi mencapai objektif pelaksanaan KIK yang dihasratkan.

## 3. OBJEKTIF

Objektif Pertandingan Projek KIK adalah untuk meningkatkan:

- 3.1 Keupayaan mencipta cara bekerja baru atau menghasilkan inovasi;
- 3.2 Kebolehan menyelesaikan masalah atau membuat penambahbaikan kerja;
- 3.3 Semangat bekerja secara berpasukan;
- 3.4 Penyemaian dan penerapan nilai etika kerja positif;
- 3.5 Penglibatan dan peningkatan komitmen terhadap kerja;
- 3.6 Dorongan kerja yang tinggi;
- 3.7 Kesedaran mengenai tanggungjawab terhadap diri sendiri, kumpulan, organisasi dan negara;
- 3.8 Penggalakkan penghasilan idea-idea yang inovatif dan kreatif; dan
- 3.9 Pewujudan hubungan yang harmoni di antara pihak pengurusan dan pekerja.

#### 4. TEKNIK DAN PENGHASILAN PROJEK KIK

Penggunaan teknik dan kaedah yang tepat amat penting dalam penghasilan sesuatu projek KIK. Sejalan peredaran masa dan perkembangan pelbagai teknik dan kaedah baharu, maka ahli KIK perlu sentiasa peka dan bersedia sedia dengan penggunaan teknik dan kaedah terkini dan tepat. **Penggunaan teknik dan kaedah adalah fleksibel dan mengikut kesesuaian projek yang dirancang.**

Fasa Penghasilan Projek menjelaskan perancangan awal pembentukan KIK. Ahli KIK perlu memilih projek berpandukan bidang inovasi dalam KIK, iaitu Inovasi Sosial atau Inovasi Penyampaian Perkhidmatan yang terdiri daripada dua (2) kategori, iaitu Inovasi Penciptaan atau Inovasi Penambahbaikan.

#### 5. TAFSIRAN BIDANG-BIDANG INOVASI DAN KATEGORI INOVASI DALAM KIK

Inovasi melalui konteks horizon baharu KIK terbahagi kepada dua (2) **BIDANG INOVASI** dalam KIK iaitu:

- a) **Inovasi Sosial**
- b) **Inovasi Penyampaian Perkhidmatan**

##### (a) Inovasi Sosial

Berdasarkan tafsiran oleh MAMPU, **bidang Inovasi Sosial** merangkumi **kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat.**

Fokus pelaksanaan inovasi sosial tidak hanya kepada pencapaian impak sosial semata-mata, malah memberikan penekanan kepada proses penglibatan rakyat dalam membangunkan sesuatu inovasi.

Ciri-ciri utama inovasi sosial ditunjukkan pada **Rajah 1** berikut:



**Rajah 1: Ciri-ciri utama Inovasi Sosial**

## (b) Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

**Inovasi Penyampaian Perkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mentransformasikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan.** Inovasi penyampaian perkhidmatan bermatlamat meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan ke arah penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan lancar serta meningkatkan kepuasan hati pelanggan.

Inovasi yang dihasilkan perlu mempunyai nilai tambah serta berupaya menyediakan perkhidmatan yang lebih inovatif, memperluas liputan perkhidmatan dan mudah diakses rakyat. Idea-idea ini boleh merangkumi penambahbaikan kepada sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi baharu dalam pelbagai aspek, antaranya termasuklah:

- Pengurusan Strategik dan Kepimpinan Organisasi;
- Budaya Kerja;
- Kewangan dan Aset;
- Pengurusan Perhubungan Pelanggan;
- Pengurusan Sumber Manusia;
- Pengurusan Projek Pembangunan; dan
- Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Ciri-ciri utama inovasi penyampaian perkhidmatan ditunjukkan pada **Rajah 2** berikut:



**Rajah 2: Ciri-ciri utama Inovasi Penyampaian Perkhidmatan**

Nota:

- Setiap projek KIK yang dihasilkan hendaklah memenuhi salah satu daripada bidang inovasi, iaitu Inovasi Sosial atau/ dan Inovasi Penyampaian Perkhidmatan; dan
- Setiap pilihan bidang inovasi haruslah memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan.

Setelah pemilihan bidang inovasi dibuat, KIK boleh mengelaskan projek tersebut kepada dua (2) **KATEGORI INOVASI**, iaitu seperti yang berikut:

(a) **Inovasi Penciptaan**


Penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses yang baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia.

(b) **Inovasi Penambahbaikan**

Penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif agar menjadi lebih berkualiti serta berdaya saing.

## 6. KRITERIA PROJEK KIK

Lima (5) kriteria yang perlu diambil kira oleh KIK di peringkat awal penghasilan projek bagi memastikan projek yang dipilih berjaya dilaksanakan dan seterusnya berpotensi untuk dikembangkan ditunjukkan pada **Rajah 3**.



**Rajah 3: Kriteria Projek KIK**

## 7. PEMBENTUKAN KUMPULAN

KIK terdiri daripada dua (2) bentuk kumpulan, iaitu:

a) **KIK Primer**

Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada **sekurang-kurangnya dua (2) orang** tetapi **tidak melebihi sepuluh (10) orang** daripada **agensi sama** yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK.

b) **KIK Hibrid**

Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada dua (2) atau lebih agensi yang bersilang fungsi yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK Hibrid

## 8. KOMPONEN KIK

KIK mengandungi komponen-komponen yang ditunjukkan pada **Rajah 4**.



**Rajah 4: Komponen KIK**

## 9. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PROJEK KIK

Syarat-syarat penyertaan Pertandingan Projek KIK Konvensyen Inovasi, Jabatan Kesihatan Negeri Johor adalah seperti berikut :

- 9.1 Projek KIK hendaklah dihasilkan oleh warga JKNJ dari jabatan, bahagian, hospital, klinik, seksyen atau unit sesebuah agensi melalui kumpulan primer; atau penglibatan secara hibrid bersama jabatan, bahagian, hospital, klinik, seksyen atau unit sesebuah agensi lain.
- 9.2 Projek KIK yang dilaksanakan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi.
- 9.3 Projek KIK yang ingin menyertai mestilah telah **dilaksanakan/ dijalankan sekurang-kurangnya dalam tempoh 3 bulan dari tarikh tutup penyertaan dan tidak lebih daripada 3 tahun dari tarikh ia diperkenalkan dan dilaksanakan.**

Projek KIK yang tidak layak menyertai Pertandingan Projek KIK ,Konvensyen Inovasi, Jabatan Kesihatan Negeri Johor adalah:

- 9.3.1 Projek KIK yang telah memenangi mana-mana pertandingan di peringkat yang lebih tinggi seperti Kementerian, MAMPU ataupun mana-mana anugerah dari agensi luar sama ada dalam negara mahupun luar negara.
  - 9.3.2 Projek KIK yang telah memenangi Anugerah Projek KIK JKNJ atau pertandingan peringkat negeri pada tahun-tahun yang lepas.
  - 9.3.3 Inovasi dari projek KIK yang telah dibangunkan serta digunapakai oleh mana-mana unit penyelidikan dan pembangunan (inovasi dari hasil penyelidikan dan pembangunan atau R&D yang tiada kaitan dengan peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi).
- 9.4 Pihak penganjur berhak menerima dan menolak penyertaan yang tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.
  - 9.5 Pihak penganjur berhak menukar kategori penyertaan projek KIK ke kategori yang sewajarnya. Sebarang pertukaran kategori akan dimaklumkan kepada pemohon.

## 10. PENILAIAN PROJEK KIK

Ringkasan kriteria dan wajaran penilaian projek adalah seperti berikut.

Bil.	KRITERIA	WAJARAN	MARKAH KESELURUHAN
1.	Penglibatan Pihak Pengurusan	4%	70% (Skor/100 x 70)
2.	Signifikasi Projek dan Pembuktian	10%	
3.	Tindakan Penyelesaian dan Pembuktian	23%	
4.	Keberhasilan Projek <ul style="list-style-type: none"> <li>• Outcome projek [dijangka] dan pembuktian Analisa berasaskan</li> <li>• Impak projek [luar jangka] dan pembuktian</li> </ul>	35%	
		18%	
5.	Potensi pengembangan projek	10%	
6.	Kualiti Pembentangan		30%

Jadual 1: Ringkasan penilaian dan pemarkahan projek

## 11. PROSES PENILAIAN DAN PEMILIHAN PEMENANG

Proses penilaian dan pemilihan dibuat melalui 2 peringkat seperti berikut:

- 11.1 **Penilaian melalui laporan penuh oleh Panel Penilai.**  
Semua laporan yang diterima akan dinilai terlebih dahulu oleh Panel Penilai
- 11.2 **Penilaian berdasarkan persembahan.**  
Pembentangan ini bertujuan untuk membolehkan Panel Penilai mendapat maklumat terperinci, penjelasan lanjut dan membuat pengesahan ke atas pematuhan kriteria yang ditetapkan. Keputusan Panel Penilai adalah muktamad.

## 12. TATACARA PERMOHONAN

- 12.1 Sila isi borang permohonan secara online seperti yang terdapat pada pautan <https://forms.gle/nCVtCVj2cnSqugRU7> atau imbas pada QR code seperti dibawah.



- 12.2 Setiap borang permohonan penyertaan perlu mengemukakan bersama:
- 12.2.1 Abstrak /Ringkasan Eksekutif
- a) Ditulis samada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
  - b) Gunakan font **Arial bersaiz 12** dan **1.5 spacing**.
  - c) Jelaskan bidang dan kategori inovasi.
  - d) Nyatakan singkatan nama-nama ahli kumpulan selepas tajuk projek.
  - e) Nyatakan semua **nama penuh** ahli kumpulan serta jabatan kumpulan di bawah Ringkasan Eksekutif.
  - f) Jumlah maksima perkataan ialah **350 perkataan**.
  - g) Abstrak/ Ringkasan Eksekutif perlu dimajukan seperti yang dinyatakan dalam pautan diatas.
- 12.3 Perincian Projek
- 12.3.1 Perincian Projek adalah dalam **Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris**. Penjelasan terperinci adalah seperti di **Lampiran 4**.
- 12.3.2 Sediakan Perincian Projek **10 – 15 muka surat sahaja** dengan font **Arial bersaiz 12** dan **1.5 spacing**.
- 12.3.3 Jumlah maksima perkataan ialah **3000 - 5000 perkataan**.
- 12.3.4 Maklumat tambahan seperti surat penghargaan dan sebagainya dijadikan sebagai lampiran.
- 12.3.5 Laporan hendaklah dihantar dalam bentuk PDF seperti yang dinyatakan dalam pautan seperti diatas.

### 13. TARIKH TUTUP

Tarikh tutup permohonan penyertaan, penghantaran Ringkasan Eksekutif dan Perincian Projek adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Tarikh Tutup
1.	Permohonan Penyertaan	31 Mac 2020 (Selasa)
2.	Abstrak	31 Mac 2020 (Selasa)



3.	Laporan Penuh	31 Mac 2020 (Selasa)
----	---------------	----------------------

Sebarang permohonan penyertaan yang diterima selepas **31 Mac 2020** tidak akan dipertimbangkan.

#### 14. PERTANYAAN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan, sila hubungi:

Urusetia KIK	No. Telefon	e-mel
Pn Zahrina Kadir	0133920049	zahrinakadir@gmail.com

Disediakan oleh:  
Sekretariat Inovasi 2020  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

## FORMAT PERINCIAN PROJEK KIK

### 1. TAJUK PROJEK

### 2. LATAR BELAKANG KUMPULAN

### 3. SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

3.1. Nyatakan justifikasi pemilihan projek dengan ringkas dan padat dengan merujuk kepada perkaitan dengan fungsi agensi, keperluan pemegang taruh dan bagaimana ia memenuhi agenda nasional. Matlamat keberhasilan projek seperti yang dinyatakan dalam Bab 2 Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1/2016 diambilkira iaitu:

- (a) meningkatkan kecekapan agensi sektor awam
- (b) meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan agensi sektor awam; dan
- (c) memelihara kesejahteraan rakyat

3.2 Potensi pengembangan projek juga sesuai dinyatakan bagi menunjukkan kemampunan (sustainability) projek.

3.3 Penggunaan grafik, butiran poin berserta maklumat yang ringkas dan tajuk kecil boleh digunakan bagi memudahkan kefahaman.

### 4. TINDAKAN PENYELESAIAN

4.1. Nyatakan dengan ringkas dan padat strategi serta kaedah yang digunakan dalam menghasilkan projek yang kreatif dan inovatif serta tempoh penghasilan projek.

4.2. Sasaran *outcome* dan impak perlu dinyatakan dengan maklumat indikator-indikator pencapaian yang diwujudkan bagi menjalankan penilaian.

4.3. Pembuktian ditunjukkan dalam bentuk ringkasan rajah/ diagram/ gambar/ lampiran.

### 5. KEBERHASILAN PROJEK – *OUTCOME* DAN IMPAK

5.1. Nyatakan hasil penilaian yang telah dibuat berdasarkan indikator-indikator pencapaian bagi *outcome* dan impak. Pencapaiannya diterangkan berdasarkan hasil kajian melalui analisa perolehan data.

5.2. Nyatakan juga faedah sampingan yang diperolehi hasil daripada pelaksanaan projek. Pembuktian ditunjukkan dalam bentuk ringkasan rajah/ diagram/ gambar/ lampiran.

### 6. POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

6.1. Nyatakan tahap kesiapsiagaan (*readiness*)n hasil projek yang telah dilaksanakan dan usaha yang telah dilaksanakan bagi menyokong pengembangan projek.

6.2 Pembuktian ditunjukkan dalam bentuk ringkasan rajah/ diagram/ gambar/ lampiran.

### 7. PENUTUP

### 8. LAMPIRAN

**Nota:**

1. Sediakan laporan **10 – 15 muka surat sahaja** (3000 – 5000 patah perkataan) dengan font font **Arial bersaiz 12** dan **1.5 spacing**.

### SKEMA PEMARKAHAN KRITERIA PENILAIAN PROJEK KIK

**Bidang** : Inovasi Sosial/ Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

**Kategori** : Inovasi Penciptaan/ Inovasi Penambahbaikan

**Nama Kumpulan** : .....

**Tajuk Projek** : .....

ITEM	KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN	MARKAH
		(a)	(b)
<b>1</b>	<b>Penglibatan Pihak Pengurusan</b>		
	a) Sokongan dan kelulusan pihak pengurusan tertinggi setiap agensi terlibat	4	
<b>2</b>	<b>Signifikasi Projek dan Pembuktian</b>		
	a) Kaitan dengan fungsi utama jabatan/ organisasi secara langsung dan/ atau tidak langsung	10	
	b) Memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh (stakeholder)		
	c) Seajar dengan agenda dan matlamat nasional		
	d) Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa		
	e) Kaedah pemilihan projek dan analisis kewujudan isu/ masalah		
	f) Penyataan Sasaran Outcome dan Impak		
<b>3</b>	<b>Tindakan Penyelesaian</b>		
	a) Startegi penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan tools	23	
	b) Penghasilan dan Pengujian Prototaip		
	c) Perakuan daripada pihak bertauliah/ pihak berkuasa		
	d) Pelaksanaan inovasi		
<b>4</b>	<b>4.1 Outcome Projek dan Pembuktian</b>		
	a) Pencapaian Outcome dan Pembuktian	35	
	b) Faedah sampingan (luar jangkauan)		
	<b>4.2 Impak Projek dan Pembuktian</b>		
	a) Penilaian impak dan pembuktian	18	
	b) Faedah sampingan (luar jangkauan)		
<b>5</b>	<b>Potensi Pengembangan Inovasi</b>		
	a) Tahap kesediaan teknologi/ sistem/ proses	10	
	b) Tahap replikasi atau Pengkomersialan		
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>	